

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 9 RABU 28HB. FEBRUARI, 1973.

1393 رابو 25 محرم PERCHUMA

PGGMB MEMPUNYAI PERANAN PENTING DALAM MENJAYAKAN RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA YANG BARU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kejayaan sa-suatu rancangan kemajuan negara itu ada-lah memerlukan usaha2 kebangsaan yang giat untuk menghasilkan-nya.

Demikian menurut Penasehat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Teramat Berhormat Pehin O.K. Laila Setia Bakti Diraja, Dato Laila Utama Awang Isa dalam ucapan khas beliau ketika merasmikan Mashuarat Agong ke-23, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-Dewan Persekutuan itu pada hari Jumaat lepas.

Beliau menekankan bahawa dalam konteks ini, PGGMB juga mempunyai tugas2 dan tanggung-jawap2 yang tertentu untuk memainkan peranan yang penting.

Mengenai dengan soal memperbaiki rancangan pelajaran dan latehan2 di-negeri ini, Yang Teramat Berhormat itu berpendapat bahawa memandang kepada pengetahuan, kepakaran dan pengalaman yang ada di-kalangan ahli2 PGGMB itu tentu akan mendatangkan faedah jika PGGMB menunaikan tanggung-jawap-nya bila2 di-kehendaki dengan mengemukakan shor2 yang membina kepada Kerajaan dari satu masa ka-satu masa.

Dalam usaha2 saperti ini, kata-nya, PGGMB mempunyai kedudukan yang istimewa kerana ahli2-nya juga ada-lah kaki-tangan Jabatan Pelajaran dan ini sudah tentu memudahkan lagi dialog2 yang berguna antara kedua2 pihak.

Terdahulu dari itu, Yang Teramat Berhormat telah menyebut semula titah Kebawah D.Y.M.M. dalam pembukaan Persidangan Belanjawan Majlis Mashuarat Negeri yang lalu berhubung dengan penyusunan Rancangan Kemajuan Negara yang baru.

Baginda telah menitahkan Kerajaan Baginda supaya menyusun rancangan kemajuan itu dengan tujuan membina satu masyarakat yang kokoh serta bersatu padu dan ma'amor untuk kepentingan seluruh rakyat dan penduduk Negeri Brunei tanpa mengira rupa bangsa.

Yang Teramat Berhormat itu menjelaskan bahawa hasrat Baginda ia-lah supaya Rancangan Kemajuan Negara yang baru itu akan menitik-beratkan usaha2 untuk mengadakan berjenis2 mata pencaharian.

Ini antara-nya ada-lah untuk pemuda pemudi lepasan sekolah yang semakin meningkat jumlah-nya dan mempernakan-jeniskan atau memperbanyakkan kegiatan2 ekonomi negara



Dato Paduka Haji Abdul Aziz.

terutama sekali di-bidang pertanian dan perindustrian.

Dalam hubungan ini, tegas beliau, PGGMB juga mempunyai tugas2 dan tanggung-jawap2 yang tertentu untuk memainkan peranan yang penting selaras dengan tujuan dan matalamat2 Rancangan Kemajuan Negara saperti yang telah di-titahkan Baginda itu.

Menyentuh soal kegiatan2 perniagaan dan perusahaan persekutuan itu, Yang Teramat

(Lihat muka 8)

Dato Haji Aziz di-lantek sa-bagai Pmk. S. U. K.

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan melantek Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar menjadi Pemangku Setia Usaha Kerajaan Brunei mulai 16hb. Februari, 1973.

Sa-belum lantekan itu, Dato Paduka Haji Abdul Aziz ia-lah Pemangku Pengerusi Lembaga Bandar, Bandar Seri Begawan.

Bagi menggantikan tempat beliau itu pula, D.Y.M.M. juga telah berkenan melantek Awang Selamat bin Munap yang sa-belum itu berkhidmat di-Pejabat Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Awang Abdul Rahman bin Dato Mohamad Taib, Timbalan Pegawai Perjawatan di-tukar ka-Pejabat Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menggantikan tempat Awang Selamat.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan yang baru itu, Dato Paduka Haji Abdul Aziz, 38 tahun ada-lah pe-

(Lihat muka 8)



D.Y.M.M. menerima piala dari T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey.

PASOKAN Ketua2 Jabatan yang di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah memenangi perlawanan terek kalat yang mengandungi 25 orang sa-pasokan dan berjaya merebut piala yang di-kurniakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

Tempat kedua telah di-menangi oleh Pasokan Pehin2 Menteri termasuk Menteri2 Pendalaman, dan tempat ketiga di-menangi oleh Pasokan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Yang Amat Mulia Cheteria2.

Pasokan Ketua2 Jabatan telah juga memenangi dalam perlawanan terek kalat yang mengandungi 30 orang sa-pasokan apabila ia mengalahkan pasokan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pehin2 Menteri dan Menteri2 Pendalaman.

Dalam perlawanan lumba belusir berganti2, Pasokan Ketua2 Jabatan menjadi johan dan memenangi Piala yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Tempat kedua di-menangi oleh pasokan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Yang Amat Mulia Cheteria2, dan tempat ketiga di-menangi oleh pasokan Pehin2 Menteri termasuk Menteri2 Pendalaman.

Perlindungan lumba belusir satu keliling padang telah juga di-adakan.

Perlindungan terek kalat dan lumba belusir itu telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pada hari Khamis lepas sa-bagai memperingati lawatan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II ka-Brunei.

Harga barang2 yang harus di-kurangkan mengikut peratoran chukai baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kastam dan Bea telah mengeluarkan satu peratoran chukai baru

Dalam satu surat keliling yang di-keluarkan, baru2 ini, Pengawal Kastam dan Bea, Awang Othman Chua Kwang Soon berkata, chukai baru itu yang di-kuat kuasakan dalam bulan lepas harus mengurangkan sa-banyak tiga sen bagi harga sa-kati gula, satu hingga setengah sen bagi sa-tiap pound garam dan satu hingga lima sen untuk sa-pound susu.

Pengurangan harga susu bagaimana pun tergantung kepada negara asal pengeluaran-nya.

Di-bawah peratoran2 chukai baru itu, Awang Othman berkata, harga bagi tiap2 sa-botol quart arak mungkin di-naikkan kepada 90 sen sa-hingga sa-ringgit, sa-tiap tin beer sa-banyak tiga sen, sa-botol quart beer sa-banyak enam sen, tembakau dalam tin mengandongi

50 grammes sa-banyak 11 sen, sa-kotak rokok yang mengandongi 20 batang rokok sa-banyak 6 sen dan tembakau yang di-bawa masuk dari Sabah sa-banyak 25 sen sa-pound.

Harga arak bagi sa-botol quart telah juga di-naikkan sa-banyak 10 hingga 20 sen bergantung kepada nilai arak tersebut.

Pengawal Kastam itu juga berkata pengguna2 harus juga ingat bahawa harga barang2 keperluan sa-hari2 seperti kopi dan teh yang sekarang di-kenakan chukai sa-banyak lima peratus menurut mutu-nya mungkin juga akan di-naikkan.

Harga barang seperti pengoris api automatik, jam, tangan dan dinding, meshin jahit, barang2 kemas termasuk yang palsu atau tiruan dan lain2 mungkin juga di-naikkan oleh sebab barang2 tersebut sekarang di-kenakan chukai sa-banyak 10 peratus bergantung kepada nilai-nya.

Pengawal Kastam itu juga berkata pengguna2 juga mungkin terdapat kenaikan harga dalam barang2 bahan penchuchi oleh sebab barang2 tersebut sekarang di-kenakan chukai sa-banyak 10 peratus menurut mutu-nya.



Kursus menchat dan dekorasi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Permohonan2 ada-lah dipelawa dari raayat Brunei untuk mengikuti satu kursus baru

City dan Guilds Institute, London bagi tukang2 chat dan tukang2 hias rumah di-Sekolah Pertukangan Pembangunan, di-Jalan Muara mulai bulan April tahun ini.

Pemohon2 mesti-lah telah lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran aliran Inggeris atau Melayu.

Keutamaan akan di-berikan kepada chalon2 yang lulus dengan baik dalam peperiksaan2 tersebut terutama sekali kepada mereka yang lulus Bahasa Inggeris, Melayu dan Lukisan.

Kursus ini ada-lah sa-penoh masa sa-lama tiga tahun dan semua penuntut2 di-jangka akan tinggal di-asrama sekolah tersebut.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Pengetua Sekolah Pertukangan Pembangunan, peti surat 2188, Bandar Seri Begawan.

Borang2 itu mesti-lah di-kembalikan tidak lewat dari 12hb. Mach, 1973.

LEBEH dari 50 orang ahli2 Persatuan Pak Murba, Kampong Batu Marang, telah keluar bekerja bergotong royong kerana membersekan kawasan dan saloran ayer minum di-Sungai Buloh, di-Kampong tersebut baru2 ini.

Projek yang di-kendalikan oleh ahli2 Persatuan Pak-Murba itu, telah di-ketuai oleh Setia Usaha Agong-nya, Pengiran Idris bin Pg. Anak Metassan.

Ini-lah buat kali pertama-nya, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kawasan kolam dan saloran ayer itu di-bersekan. Kolam itu, membekalkan ayer kepada lebih dari 1,000 orang penduduk Kampong Batu Marang.

Gambar atas kelihatan ahli2 Persatuan Pak Murba yang di-ketuai oleh Setia Usaha Agong-nya, Pengiran Idris bin Pg. Anak Metassan sedang berkerja membersekan kawasan dan saloran ayer Sungai Buloh, di-Kampong Batu Marang, Daerah Brunei/Muara.

Pemilihan chalon bagi Penghulu Mukim Kiudang

TUTONG. — Penduduk2 di-Mukim Kiudang, Daerah Tutong akan berkumpul di-Balai Raya Birau pada jam 9.00 pagi 10hb. Mach untuk memilih chalon2 bagi Penghulu Pangkat Satu di-kawasan itu.

Penghulu baru itu akan menggantikan Orang Kaya Seri Dewa Haji Mohammad Salleh bin Abdullah yang akan bersara tidak lama lagi.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohammad Jaafar meminta semua penduduk2 di-kawasan tersebut yang berumur lebih dari 21 tahun supaya hadir di-balai raya tersebut pada hari yang di-tetapkan.

Mukim Kiudang terdiri dari 11 buah kampong ia-itu Kampong Kiudang, Mungkom, Sungai Simut, Padnunok, Birau, Luagan Timbaran, Batang Mitos, Pengkalan Mau, Bakiau, Kebia dan Bebuloh.

Awang Abdullah juga menyatakan bahawa sa-orang chalon yang di-pilih bagi jawatan tersebut mesti-lah raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, berumur antara 30 dan 45 tahun, lulus darjah lima sekolah Melayu dan tinggal di-kawasan tersebut.

Mereka mesti-lah bukan kakitangan kerajaan atau sabarang badan perniagaan.

Borang2 bagi memilih chalon itu boleh di-dapati dari Pegawai Daerah Tutong.

Pertandingan Juara Kugiran

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Persatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan akan mengadakan Malam Budaya pada 30hb Mach hadapan bertempat di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan.

Tujuan mengadakan malam tersebut ada-lah bagi mengutip derma untuk tabong pembinaan stadium.

Kemunchak dari acara yang akan di-persembahkan pada malam itu ia-lah pertandingan Juara Kugiran.

Pertandingan tersebut ada-lah

terbuka kepada kugiran di-se-luruh negeri.

Bayaran masuk untuk pertandingan akan di-kenakan sa-banyak \$15.00 bagi tiap2 satu kumpulan.

Tiap2 kugiran hendak-lah mempersembahkan tiga buah lagu — wajib (asli dan langgam), pilihan (bebas) dan instrumental chiptaan sendiri.

Borang2 masuk dan sharat2 bertanding boleh di-dapati dari Awg. Md. Yassin bin Said, Awang Serbini bin Ahmad, Awang Mohammad Salleh bin Sabtu dan Awang Mohdar bin Haji Ahmad.

Borang2 bersama2 dengan wang bayaran masuk bertanding hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 8hb. Mach, 1973.



GAMBAR atas menunjukkan Yang Di-Pertua Persatuan Pemuda Penanjong, Che'gu Mohamed Yunus bin Abu Bakar menyampaikan wang tunai sa-banyak \$1,000.00 kepada Pengerusi Jawatankuasa Derma Tabong Pembinaan Stadium Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar sa-bagai sumbangan persatuan itu untuk tabong pembinaan stadium.

Derma yang terbesar di-terima di-daerah itu sa-takat ini telah di-sampaikan pada minggu lalu.

T.Y.T. P'jaya Tinggi juga turut hadir

BANDAR SERI BEGAWAN. — Di-antara pembesar2 negara yang menziarahi jenazah Allahyarham Dato Paduka Matnor MacAfee pada 15hb. Februari yang lalu ialah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautery di-samping pembesar2 negara yang lain seperti yang tersiar dalam keluaran minggu lalu.

KITA sangat-lah bersyukur kerana Islam telah di-jadikan ugama rasmi di-negara kita Brunei Darussalam, maka atas bahu tiap2 orang Islam di-negeri ini tertaklok tanggung-jawab melaksanakan dan menghidupkan shi'ar Islam itu dari masa ka-semasa. Maju mundurnya Islam ada-lah tanggung-jawab kita bersama.

Satu daripada shi'ar Islam yang terbesar dan paling banyak mendatangkan kebajikan ialah sembahyang Jumaat. Hari Jumaat di-jadikan Allah ia-lah sa-bagai hari raya mingguan untuk suka ria dan gembira mengenangkan peristiwa yang amat besar ia-itu hari di-jadikan Adam Alaiwassalam dari mula tiba-nya ka-muka bumi ini daripada shorga. Berpuncha dari kedatangan Adam Alaiwassalam ka-muka dunia ini-lah banyak nekmah yang sampai kepada kita hari itu.

Berhari raya atau bersuka ria kerana mengenang peristiwa seperti itu Islam mempunyai chara yang tersendiri ia-itu

Sembahyang Jumaat salah satu daripada shi'ar Islam yang paling banyak mendatangkan kebajikan



KHUTBAH JUMA'AT

"Ada-lah satu hal yang sangat merugikan jika kita melepaskan peluang2 yang di-sediakan pada hari2 Jumaat itu dengan tiada satu2 kezuran shara'"

chara yang lebih menguntungkan sama ada bagi kehidupan dunia mau pun bagi kehidupan akhirat. Kerana hari Jumaat di-istimewakan Allah dengan beberapa kelebihan dari hari2 yang lain, maka berbedalah darjat manusia yang mendapatnya mengikut kadar usaha seseorang itu merembut-nya. Sataengah2 orang ia sampai ka-

mesjid sejak awal2 lagi maka mendapat kelebihan-lah ia lebih dari kelebihan orang lain yang datang kemudian, apatah lagi kalau ia berniat i'tikaf dan membaca salawat kemudian berdiam mendengar khutbah dan tiada ia pulang melainkan sa-telah Imam balek, maka orang ini telah di-kehabarkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan sabda Baginda yang bermaksud:

"Barang siapa mandi kerana hari Jumaat kemudian memakai ia sa-baik2 pakaiannya dan mengenakan baju2an jika ada pada-nya, kemudian berjalan ia ka-mesjid kerana berjumaat dengan sopan santun dan tiada melangkahi sa-seorang dan tiada menganggu-nya, kemudian sembahyang ia sa-kuasanya kemudian menunggu ia hingga Imam pulang, maka di-ampunkan bagi-nya sa-lama masa antara dua Jumaat".

Sabda Baginda di-dalam hadith yang lain yang bermaksud: "Banyakan - lah salawat ka-atas ku pada hari Jumaat kerana salawat2 kamu itu di-pamerkan kepada ku".

Ada satu hal yang sangat merugikan jika kita melepaskan peluang2 yang di-sediakan pada hari2 Jumaat itu dengan tiada satu2 kezuran shara' apatah lagi jika kita menganggap kewajiban yang ringan dan boleh di-ringan2kan dengan arti jika sempat kita kerjakan jika tidak, kita tinggalkan dengan alasan tak ada kesempatan atau terlalu sebek dengan kerja2 persendirian dan sa-bagai-nya. Sa-benar-nya Islam sangat-lah memandang berat terhadap orang2 yang meninggalkan sembahyang Jumaat tanpa uzur itu kerana Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

"Mesti-lah berhenti sa-satu kaum itu daripada meninggalkan Jumaat, jika dilakukan juga demi sa-sunggo-nya Allah akan menutup rapat pintu hati mereka dari jalan2 kebajikan sa-sudah itu jadi-lah mereka orang2 yang lalai".

Sabda Baginda dalam riwayat yang lain yang bermaksud:

"Barang siapa meninggalkan sembahyang Jumaat tiga kali Jumaat berturut2 tanpa uzur mengikut ukuran shara' neschaya di-maklukkan ia daripada orang2 yang muna-fik".

Oleh yang demikian hendaklah tuan2 terus menerus mengerjakan sembahyang Jumaat dan berusaha memujuk atau menasehati saudara2 tuan2 supaya datang mengerjakan sembahyang Jumaat. Mudah2an dengan demikian akan bertambah ramai-lah orang2 Islam memenohi mesjid2 untuk mengerjakan kewajiban yang amat besar ini.

BANTUAN K'JAAN KA-ATAS PEMBINAAN MESJID2

BANDA RSERI BEGAWAN. — Dengan nasehat Majlis Ugama Islam, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama telah memberikan bantuan dalam tahun 1973 ini ka-atas pembinaan mesjid2 baru di-Kampung Jerudong dan Puduk.

Mesjid baru Kampung Jerudong dengan bantuan sa-jumlah \$14,475.40 berdasarkan kutip derma dari orang ramai \$13,524.60.

Mesjid Kampung Puduk bantuan sa-jumlah \$11,000.00 berdasarkan kutipan derma

dari orang ramai sa-banyak \$9,000.00.

Kedua2 mesjid itu sedang lancar dalam pembinaan dan akan di-jangka siap dan boleh di-gunakan sedikit masa lagi.

Di-samping itu ada beberapa buah mesjid telah di-berikan bantuan sa-panjang tahun 1972:

Mesjid itu ia-lah Mesjid Kiudang, Tutong dengan bantuan \$12,000.00; Mesjid Tanjong Maya, Tutong dengan bantuan sa-banyak \$23,000.00; Mesjid Kampung Menengah, Tutong dengan bantuan sa-banyak \$5,400.00; Mesjid Kampung Batu Marang, Daerah Brunei/Muara dengan bantuan \$6,141.76 dan Mesjid Kampung Danau, Tutong dengan bantuan sa-banyak \$12,010.00.



Bentuk bina Mesjid Tanjong Maya, Tutong yang baharu dengan menelan perbelanjaan sa-banyak \$42,000.00, ia-itu \$23,000.00 adalah hasil bantuan dari Majlis Ugama Islam Negeri Brunei.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 28hb. Februari, 1973 hingga ka-hari Selasa 6hb. Mach, 1973 ada-lah seperti di-bawah ini:-

<i>Hari</i>	<i>Bulan</i>	<i>Dzohor</i>	<i>Asar</i>	<i>Magrib</i>	<i>Isha</i>	<i>Imsak</i>	<i>Suboh</i>	<i>Matahari Terbit</i>
28hb. Feb.	12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-17	6-32	
1hb. Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31	
2hb. Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31	
3hb. Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31	
4hb. Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31	
5hb. Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31	
6hb. Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-14	6-29	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

28hb. Februari, 1973.

MEMBINA SATU MASHARAKAT YANG KUKOH

D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah menitahkan Kerajaan Baginda supaya menyusun satu Rancangan Kemajuan Negara yang baharu dengan bertujuan untuk membina satu masyarakat yang kukuh serta bersatu-padu dan ma'amor untuk kepentingan seluruh rakyat dan penduduk Negeri Brunei tanpa mengira rupa bangsa.

Hasrat Baginda ia-lah supaya Rancangan Kemajuan Negara yang baharu itu akan menitik-beratkan usaha2 untuk mengadakan berjenis2 mata pencarian untuk pemuda pemudi lepasan sekolah yang semakin meningkat jumlah-nya dan memperaneka-jeniskan ya'ani memperbanyakkan kegiatan2 ekonomi negara terutama sekali di-bidang pertanian dan perindustrian.

Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menyebutkan semula akan titah Baginda itu telah juga menyatak pendapat beliau bahawa kejayaan sa-suatu rancangan kemajuan negara itu ada-lah memerlukan usaha2 kebangsaan yang giat untuk menghasilkan-nya.


Usaha2 kebangsaan yang disebutkan beliau itu menurut pengertian-nya ada-lah amat luas kerana ia-nya meliputi semua bangsa dan kaum di-negeri ini dalam semua golongan sama ada yang berkhidmat dengan Kerajaan mahupun bukan hatta yang masehi menuntut atau pelajar. Asas pada melaksanakan usaha2 kebangsaan itu ada-lah ternyata bagi kepentingan negara ini sendiri untuk menimbulkan-nya dengan taraf yang ma'amor sambil rayat-nya hidup dalam kegembiraan senantiasia.

Titah Baginda itu ada-lah merupakan satu lagi bukti yang Baginda sendiri juga telah dan akan terus mengambil berat berhubung dengan pertumbuhan rayat yang semakin meningkat tahun demi tahun dan mencari jalan yang lebih berkesan untuk menyambangi pertumbuhan itu.

Hal itu harus-lah di-sedari bersama oleh semua golongan dan bekerja bahu membahu dengan tidak banyak kira pada mengusahakan sebarang perkara yang di-yakini amat perlu di-laksanakan.

Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia memberikan bayangan ka-arrah ini dengan menyebutkan PGGMB dan ahli2-nya sa-bagai satu golongan yang berkait-rapat dalam membantu-majukan kemajuan negara itu melalui lapangan mereka sambil membuat shor2 yang membina mengenai dengan soal memperbaiki rancangan pelajaran dan latihan2 di-negeri ini.

Jika bayangan beliau itu di-praktikkan dengan sebaik2-nya oleh PGGMB, maka nilai atas sumbangan mereka itu bukan sahaja di-hargai oleh negara, bahkan tetap terchatet dalam lembaran sejarah kemajuan itu sendiri dan dalam lipatan hati rayat.



Sa-sebuah kenderaan akan di-uji bagi menentukan samada ia-nya selamat di-gunakan di-jalan2 raya, termasuk berat kenderaan tersebut, sa-belum ia-nya di-daftarkan dan di-lesenkan. Saperti kelihatan dalam gambar di-atas.



Awang Abidin bin Abdul Rashid, Pemangku Pengawal Kenderaan Darat.



Awang Hussain bin Haji Ali, salah sa-orang pegawai pemeriksa kenderaan sedang menguji sa-buah kenderaan yang hendak di-baharui lesen-nya.



Pengiran Zohari bin Pengiran Ahmad, Pendaftar Kereta Daerah Brunei-Muara.

TINJAUAN RENGKAS MENGENAI JABATAN KENDERAAN DARAT

KENDERAAN ada-lah penting untuk memudahkan pergerakan dari satu tempat ka-satu tempat yang lain dalam sa-sebuah negeri. Bilangan kenderaan yang menggunakan jalan raya sentiasa bertambah tahun demi tahun. Di-negeri kita perkara saperti ini juga berlaku. Dalam tempoh 9 bulan dari bulan Januari 1972 hingga bulan September 1972, misal-nya sa-banyak 1646 buah kenderaan telah di-daftarkan. Jumlah ini termasuk 241 buah kenderaan jenis lama yang di-bawa masuk dari luar negeri.

Sa-banyak 1,030 buah kenderaan telah di-daftarkan di-Pejabat Kenderaan Darat, Bandar Seri Begawan dan sa-banyak 616 buah lagi di-daftarkan di-Pejabat Kenderaan Darat, Kuala Belait.

Jabatan Kerajaan yang bertanggung-jawab mengendalikan perkara2 yang bersangkutan dengan kenderaan ia-lah Jabatan Kenderaan Darat yang berpejabat di-Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan dan di-Kuala Belait. Pemangku Pengawal Kenderaan Darat, Awang Abidin bin Abdul Rashid ketika di-temui telah menerangkan bahawa tugas2 jabatan beliau ia-lah:

1. Memeriksa serta menguji kenderaan sa-belum di-daftarkan dan di-lesenkan.
2. Mendaftar dan melesen kenderaan.
3. Menduga / menguji pemandu dan mengeluarkan lesen2 pemandu.
4. Melayan permohonan2 untuk menukar milek, menukar warna sa-sebuah kenderaan dan membawa keluar negeri.

Sa-bagai tambahan kepada tugas2 di-atas, Pengawal Kenderaan Darat juga di-beri kuasa untuk meletakkan isyarat2/tanda2 lalu lintas saperti tanda "bukan penarohan", "jalan sahala" dan lain2 menurut

peraturan2 yang di-tentukan oleh undang2.

1. Memeriksa serta menguji kenderaan sa-belum di-daftarkan dan di-lesenkan:

Sa-sebuah kenderaan yang hendak di-daftarkan dan di-lesenkan akan di-periksa dan di-uji terlebih dahulu. Ini ada-lah penting untuk menentukan samada sa-sebuah kenderaan itu selamat untuk di-jalan2 raya atau tidak. Kenderaan2 itu mesti-lah di-lengkapi dengan keperluan2 yang di-kehendaki oleh Peratoran2 lalu lintas. Antara keperluan2 yang di-mestikan ia-lah sistem brake yang baik, lampu, enjin, insuran yang terator serta lain2 keperluan dan panjang sa-sebuah kenderaan pula hendaklah tidak melebihi 24 kaki. Kenderaan2 itu akan hanya di-daftar dan di-lesenkan setelah pemeriksa kenderaan berpuas hati dengan keperluan2 yang di-mestikan.

Pada masa ini banyak kenderaan2 telah di-lengkapkan dengan lampu2 yang berwarna warni. Perbuatan saperti ini ada-lah menyalahi peratoran undang2 lalu lintas kerana menurut Peratoran2 104 d a r i Peratoran2 L a l u lintas Jalan Raya 1955, sa-sebuah kenderaan hanya di-benarkan menggunakan lampu di-antara waktu matahari masok dengan matahari terbit.

- i) di-sabelah depan d u a biji lampu berwarna pu-
- ii) di-bahagian belakang pula dua biji lampu merah, sa-biji di-sebelah kanan dan sa-biji lagi di-sebelah kiri. Sa-biji lampu berwarna putih pula di-kehendaki untuk menerangi nombor pengenalan kereta atau "licence plate."
- Sa-lain dari melengkapi kenderaan2 dengan lampu2 berwarna warni, ada-lah juga menjadi kesalahannya jika:-
- i) menggunakan "exhaust pipe" yang mengeluarkan bunyi yang bising dan asap yang banyak,
- ii) menggunakan siren yang luar biasa,
- iii) memasang screen di-bahagian chermin belakang.



Sa-tiap kereta yang telah mendapat kemalangan akan di-periksa dan di-uji keseluruhan-nya termasuk pemeriksa kedudukan 'type' sa-belum ia-nya di-luluskan dan di-beri lesen sa-mula.

teh, sa-biji di-sebelah kanan dan sa-biji di-sebelah kiri.

ii) di-bahagian belakang pula dua biji lampu merah, sa-biji di-sebelah kanan dan sa-biji lagi di-sebelah kiri. Sa-biji lampu berwarna putih pula di-kehendaki untuk menerangi nombor pengenalan kereta atau "licence plate."

Sa-lain dari melengkapi kenderaan2 dengan lampu2 berwarna warni, ada-lah juga menjadi kesalahannya jika:-

- i) menggunakan "exhaust pipe" yang mengeluarkan bunyi yang bising dan asap yang banyak,
- ii) menggunakan siren yang luar biasa,
- iii) memasang screen di-bahagian chermin belakang.

SUSUNAN: ALIDIN OTHMAN

Pada masa ini telah menjad kegemaran di-kalangan sa-tengah2 tuan2 punya kenderaan melekatkan "sticker2" saperti "biji mata besar" "don't kiss" dan lain2 pada kenderaan2 mereka. Sa-takat ini belum lagi ada undang2 yang menegah perbuatan2 saperti ini, akan tetapi ada-lah tidak di-galakkan jika sa-kira-nya "sticker2" itu boleh mengganggu penglihatan pemandu2 kenderaan yang lain.

2. Mendaftar dan melesen kenderaan:

Ini di-bahagikan kepada dua bahagian:

- i) kenderaan2 private saperti motorak, motosikal/ "skuter", landrover, jeep ada-lah di-daftar dan di-lesenkan oleh Pegawai

Melesen Jabatan Kenderaan Darat yang di-lantek oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

- ii) kenderaan2 untuk perkhidmatan awam (untuk di-sewakan) saperti bas teksi, lori2 angkut barang lain2 ada-lah di-daftar dan di-lesenkan dengan kebenaran Lembaga Melesen Kereta2 Sewa yang di-pengerusikan o l e h Pengawal Kenderaan Darat, Brunei.

PENGERTIAN: Lembaga Melesen Kereta2 Sewa ini ia-lah sa-buah Lembaga yang di-lantek oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Ba-

ginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei di-bawah Bab 47 daripada Undang2 Lalu lintas.

AHLI2: Ahli2 Lembaga ini terdiri dari:

- i) Pengawal Kenderaan Darat, Brunei — Pengerusi
- ii) Pesuruhjaya Pulis Diraja, Brunei — Ahli Rasmi
- iii) Pengarah Kerja Raya — Ahli Rasmi
- iv) Ahli2 yang lain, yang di-lantek oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

KUASA: Lembaga ini di-beri kuasa untuk menimbang-kan segala permohonan2 untuk mendapatkan lesen bagi kenderaan perkhidmatan awam saperti bas, teksi dan lori2 angkut barang.

Dengan ini nyata-lah bahawa ada-lah menjadi kesalahannya bagi sa-seorang itu menggunakan a n kereta-nya/kenderaan-nya sa-bagai kereta sewa tan-

pa lesen yang di-benarkan oleh Lembaga tersebut saperti yang terkandung dalam Bab 54 dari Undang2 Lalu lintas Jalan Raya 1954.

Teksi sapu atau "pirate taxi" ada-lah suatu perkara yang sudah lumrah di-perkatakan di-kalangan ramai pada masa ini. Orang2 yang mengusahakan teksi sapu ada-lah melakukan kesalahan. Bagaimanapun perbuatan saperti ini ada-lah sangat sukar untuk di-kesan oleh pihak yang berkuasa tanpa kerjasama dari orang ramai. Orang ramai terutama sekali Penumpang2 teksi sapu ada-lah di-nasehatkan bahawa ada-lah menjadi kesalahan menumpang di-teksi2 sapu kerana mereka di-anggap bersubhat dengan pengusaha2 teksi sapu dalam melakukan kesalahan di-samping membahayakan diri mereka sendiri kerana mereka tidak di-lindungi oleh sebarang insuran.

Mereka yang ingin memohon lesen2 kereta sewa hendaklah memenohi syarat2 yang di-tentukan oleh undang2 yang akan di-pertimbangkan oleh Lembaga Melesen Kereta2 Sewa. **(BERSAMBONG)**



Abdul Latif bin Badar, Pegawai Pemeriksa Kereta Kanan melayan salah sa-orang tuannya kereta yang datang untuk membaharui lesen kereta-nya.



Awang Hussain memeriksa engine dan nombor rangka sa-belum membaharui lesen kereta tersebut.

GURU2 YANG AKAN MENERIMA SIJIL

SATU upacara penyampaian sijil kepada 231 orang guru yang telah lulus dari Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkiah akan di-adakan di-Dewan maktab tersebut pada hari Sabtu 10hb. Mach hadapan.

Sijil2 tersebut akan di-sampai-kan oleh Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya La'la Setia Bakti Diraja Dato La'la Utama Awang Isa.

Berikut ia-lah nama2 guru2 yang akan menerima sijil di-upa-chara tersebut.

KURSUS B 1966-68

Aw. Junit bin Ismail.

KURSUS B 1967-69

Dg. Normah bte Haji Hitam dan Dg. Sa'adah bte Md. Salleh.

KURSUS B 1968-70 (ALIRAN INGGERIS)

Aw. Ya'akup bin Othman.

KURSUS B 1968-70 (ALIRAN MELAYU)

Aw. Metassan bin Mohd. Yassin, Aw. Md. Rais bin Momin, Aw. Md. Ya'akub bin Jaluddin, Aw. Aisah bte Md. Rahman, Aw. Abdullah bin Kassim, Aw. Rah-geni bin Deli, Aw. Rosli bin Sa-lim, Dg. Noriah bte Mohd. Yusof, Aw. Abd. Ghani bin Muhamad dan Aw. Anuar bin Hj. Abd. Rahman.

KURSUS B 1969-71

Dg. Agnes Wong Ngee Moi, Dk. Rudiah bte Pg. Hashim, Dg. Kok Ah Kui, Dg. Ong Gik Lang, Ak. Aji bin Pg. Serudin, Aw. Bu-jang bin Abu Bakar, Aw. Lai Kim Seng @ Lai Ah Seng, Aw. Suhaili bin Suhaimi, Aw. Othman bin Ibrahim, Aw. Abu Bakar bin Othman.

Aw. Adris bin Ismail, Ak. Me-tarsad bin Pg. Metassan, Ak. Mohd. Ninin bin Pg. Haji Ismail, Ak. Mohd. Danan Pg. Ahmad, Aw. Berahim bin Zabidi, Aw. Bu-jang bin Matnor, Dk. Mastura bte Pg. Chuchu, Dayangku Nor-sinah Pengiran Othman, Aw. Chiew Keng Kok, Aw. Ghani bin Muhamad.

Aw. Hamjah bin Suhaile, Dg. Jainah bte Lahab, Dg. Masni bte Haji Kadir, Aw. Matasim bin Za-kariah, Aw. Mohammad Ali bin Ahmad, Aw. Mohammad Hassan bin Md. Salleh, Aw. Rajimie bin Anis, Aw. Osman bin Md. Said, Aw. Rajali bin Haji Bakir, Dg. Rosni bte Bahar.

Aw. Shari bin Ismail, Aw. Su-haili bin Md. Daud, Dg. Tijah bte Mail, Dg. Tinah bte Mohd. Noor, Aw. A. Zaini bin A. Tuah, Aw. Abd. Razak bin Hj. Untong, Aw. Yusop bin Abd. Rahman, Aw. Taha bin Abdul Hamid, Dg. Rosni bte A. Rahman, Dg. Masni bte Awg. Hj. Tinggal, Dg. Mas Suharah bte Hj. Awg. Besar, Aw. A. Kadir bin Nuddin, Aw. Md. Safar bin Idris, Aw. Taib bin Damit dan Aw. Saidin bin Md. Noor.

KURSUS A 1969-71 (ALIRAN INGGERIS)

Dg. Agnes Chai Mui Ngo, Dg. Chiam Aye Geok, Dg. Chung Yee Ken, Dg. Helen Yong, Dg. Lam Lee Yin, Dg. A. Y. A. N. Lau Swee Choo, Dg. Leong Thiau Yik, Dg. Liew Fui Chin, Dg. Lim Meng Hua, Aw. Ng. Kiang Huat, Dg. Wong Imm Lin.

Aw. Henry King Chiew Hoon, Aw. John Pancrass Taikim, Aw.

Wong Pak Geah, Aw. Lim Beng Koon, Dg. Jamilah bte Haji Nor-din, Dayang Rusni bte Peng'ima Asgar Hj. Abdullah, Dg. Abdidah bte Md. Yusof, Dg. Siti Nor'aini bte Abd. Rahman, Aw. Leong Chee Ming @ Leong Ah Min, Aw. Lee Tet Onn, Aw. Chiang Chee Pheng @ Chong Chee Pheng, Aw. Sia Leong Ping dan Aw. Abdul Lazis bin Noordin

KURSUS A 1969-71 (ALIRAN MELAYU)

Dg. Rangki bte Ringgit, Dg. Rukiah binte Haji Abd. Rahman, Aw. Latif bin Haji Dollah dan Aw. Bol Hassan bin Ibrahim.

KURSUS C

Rafeah bte Mohd. Taha, Rohani bte Puasa, Shamsiah bte O.K. Samin, Ak. Saidi bin Pg. Md. Daud, Misiah bte Moktar, Rosni binte Abdul, Zaiton bte Johari, Timidah bte Ya'akub, Hindun bte Hj. Wa-hid, Tampoi bte Tengah.

Dk. Masnah bte Pg. Hj. Kula, Maimunah bte Ya'akub, Abdullah bin Hj. Mahmud, Harris bin Mu-hammad, Yunus bin Deok, Mor-sidi bin Dagang, Kifli bin Mohd. Taib, Mohd. Yunus bin Serudin, Ak. Abd. Latif bin Pg. Tajuddin, Hamzah bin Raya.

Puasa bin Hj. Abd. Rahman, Juma'at bin Gandor, Muhammad bin Damit, Baharuddin bin Hj. Baha, Abas bin Abd. Rahman, Hasnah bte Mohd. Yusof, Esa bin Lahit, Abu Hassan bin Ismail, Mantin bin Abas.

Kamis bin Abdullah, Sanif bin bin Gador, Ahmad bin Hj. Mina, Juneb bin Suhaili, Zaini bin Mohd. Yusof, Abd. Aziz bin Wa-hid, Abd. Hamid bin Kahar, Sa-raniah bte Mahari, Normah bte Mohd. Said, Yahya bin Mohd. Yusof, Alimas bin Mohd. Daud, Yusof bte Agol, Ratanah bte Hj. Yusof, Ramli bin Nasir, Alimetar-sad bin Hj. Md. Salleh, Ak. Md. Yusof bin Pg. Sulaiman, Rokiah binte Karim.

Norhaya bte Md. Noor, Selimin bte Keluloh, Norah bte Ahmad, Sainah bte Mohd. Tarif, Jamilah bte Hj. Ahmad, Saidah bte Hj. Abd. Rahim, Zubaudah bte Abd. Hamid, Nekmah bte Md. Tassan, Dk. Mariam bte Pg. Md. Daud, Seriah bte Ismail, Fatimah bte Abd. Kadir, Maimunah bte Ab-dullah, Junaiddi bin Md. Jaafar.

Dk. Fatimah bte Pg. Md. Salleh, Siti Ara bte Yahya, Dk. Fatimah bte Pg. Sabtu, Nekmah bte Chu-

chu, Rasiah bte Md. Salleh, Mas-nah bte Mengarshah, Saipol bte Rosanalisah, Azizah bte Puteh.

Norsiah bte Nudin, Junaidah bte Abdullah, Nayan bin Ahad, Aisah bte Hj. Othman, Ibrahim bin Abd. Rahman, Jamilah bte Hj. Yusof, Bujang bin Sabtu, Ah-mad bin Uga, Kaidah bte Hj. Sa-ban, Md. Ali bin Akil, Ak. Adnan bin Pg. Abas, Md. Yusof bin Ba-gol, Talip bin Othman, Metussin bin Bungsu, Asmah bte Hj. Abu Bakar, Taha bin Hj. Sulaiman, Md. Ali bin Radin, Ainah bte Md. Salleh, Siti Arbi bte Ahmad, Sa'mah bte Suhaili.

Abu Kadi bin Hj. Metassan, Rashid Bolaji, Normah bte Mohd. Salleh, Nordiah bte Udin, Zainab bte Mohd. Zain, Mardiah bte Hj. Abd. Hamid, Neamah bte Laki, Ghazali bin Ibrahim, Ahmad bin Daud, Dk. Amas bte Pg. Hj. Daud, Idris bin Hj. Tuah, Husin bin Hj. Nudin dan Zainab bte Kula.

Berikut ini pula ada-lah guru2 yang sijil mereka maseh berada di-maktab tersebut dan tidak di-terima oleh mereka dalam upa-chara penyampaian sijil dalam ta-hun 1972 yang lalu.

Sanipon bte Ismail, Mohsin bin Taha, Misli bin Hj. Besar, Junai-di bin Abd. Ghani, Dk. Rosni bte Pg. Ismail, Othman bin Basiah, Zakariah bin Ahmad, Mariam bte Hidup, Maisalamah bte Sharbini, Rohana bte Abdullah, Rosni bte Bakar.

Shahrin bin Metali, Ramli bin Md. Zain, Othman bin Ahmad, Masnah bte Hj. Abd. Wahab, Fatimah bte Kadir, Ak. Sulaiman bin Pg. Anum, Zainal bin Abd. Rahman, Harun bin A. Latiff, Halimah bte Uga, Dk. Hasnah bte Pg. Hj. Damit Rosnah bte Md. Said, Layau bin Lakim, Taifah bte Ja'far.

Abd. Salam bin Jual, Awang bin Omar, Abd. Mulok bin Hj. Pandin, Dk. Armah bte Pg. Ba-ka, Dk. Rafiah bte Pg. Metarsat, Dk. Sunah bte Pg. Hj. Ismail, Fa-timah bte Momin, Fatimah bte Saidi, Dy. Halimah bte Hj. Ismail, Hajjah Ainun bte Hj. Yusof.

Hasnah bte Abdullah, Johari bin Md. Tarif, Jamilah bte Othman, Kamis bin Othman, Ali bin Umar, Masnah bte Iradat, Masni bte Hj. Abang, Norhani bte Md. Yassin, Rafeah binte Hj. Mohd. Yassin, Rosmawati bte Abdullah, Umar bin Rauf dan Normah bte Hashim.



AWANG Edin bin Haron (kiri) dan Awang Likap bin Lith yang telah di-pilih oleh pendu-dok2 Mukim Rambai sa-bagai chalun Penghulu bagi kawasan tersebut.

Kedua2 orang chalun itu telah di-kemukakan kepada kerajaan untok di-siasat sa-belum di-per-timbangan.

Pemilihan chalun2 itu telah di-adakan di-balai raya Kampong Rambai baru2 ini.

Penghulu baru itu nanti akan menggantikan Penghulu Dato Kornia Diraja Awang Gadong bin Orang Kaya Indera Among yang akan bersara.

PERTIWI akan adakan jualan aneka barang

KUALA BELAIT. — Satu temasha jualan aneka barang2 akan di-adakan dua hari ber-turut2 di-Kuala Belait bagi membantu tambong pembinaan stadium.

Temasha itu akan di-adakan di-Pusat Belia Lama, Jalan Rampai, Kuala Belait di-bawah anjoran Persatuan PERTIWI.

Hari pertama temasha jualan aneka barang2 itu ia-lah pada 3hb. Mach dari pukul 2.00 hingga 5.00 petang dan hari kedua, pada 4hb. Mach, dari pukul 10.00 pagi hingga pukul 5.00 petang.

Sa-orang juruchakap Per-satuan PERTIWI menyatakan bahawa jualan aneka barang2 itu antara lain ada-lah mengan-dongi hasil2 kerja tangan sa-perti kueh much, pakaian2 lama dan baru dan lain2 ba-rang yang menarik.

Beliau menyeru orang ramai di-negeri ini supaya bersama2 menjayakan temasha tersebut dengan chara membeli barang2 yang di-jual.

Dengan chara itu, orang ra-mai, dengan tidak sa-chara lan-song akan dapat menyum-bangkan jasa baik mereka bagi sama2 menayakan tabong membina stadium.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM SA-BERAPA BANYAK YANG BOLEH



NADZIR Sekolah2 Melayu Da-erah Belait, Awang Haji Sabtu bin Muhammad sedang menyam-paikan hadiah kepada Dayang Sindun bte Siting dari sekolah Melayu Sukang yang telah men-dapat tempat pertama bahagian perempuan dalam perlumbaan

rentas desa sekolah2 rendah Daerah Belait yang telah di-adakan di-Seria pada minggu lalu.

Dalam perlumbaan itu, Sekolah Melayu Sukang telah menjadi jo-han lelaki dan perempuan dalam bahagian berpasokan.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN III

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi satu jawatan kosong sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan III di-Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

DI-JABATAN LAUT

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Laut, Brunei.

A. PEGAWAI LAUT HOME TRADE II:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mempunyai Sijil Kecakapan sa-bagai Mate of a Home Trade Ship yang di-keluarkan oleh Kementerian Pengangkutan British, atau kelulusan yang sa-banding dari negara2 Commonwealth atau pun Tentera Laut. Pengalaman bekerja dengan sesuatu Jabatan Laut, Lembaga Pelabuhan, syarikat perkapalan atau penggalan di-dalam jawatan executive merupakan satu kelebihan.

Tugas2: Tugas2 utama jawatan ini ia-lah menjadi Chief Officer dalam sebuah Suction Hopper Dredger baru.

Gaji: Dalam sukatan gaji C 1 EB 2 — \$610 x 30-640-680/EB/710 x 30-950 Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

B. PEMBANTU PEGAWAI JURUTERA LAUT:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mempunyai Sijil Kecakapan sa-bagai Second Class Engineer (Motor) yang di-keluarkan oleh Kementerian Pengangkutan British, atau kelulusan yang sa-banding dari negara2 Commonwealth atau pun Tentera Laut. Pengalaman bekerja dengan sesuatu Jabatan Laut, Lembaga Pelabuhan, syarikat perkapalan atau penggalan di-dalam jawatan executive merupakan satu kelebihan.

Tugas2: Tugas2 utama jawatan ini ia-lah menjadi Second Engineer dalam sebuah Suction Hopper Dredger baru.

Gaji: Dalam sukatan gaji B 1 EB 2 — \$680 x 30-950 x 50-1000 x 30-1060/EB/1090 x 50-1140 x 40-1300 x 60-1360 x 40-1520 (maximum). Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

C. PEGAWAI LETRIK:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mempunyai Diploma Kejuruteraan Letrik dari Politeknik Singapura atau kelulusan yang sa-banding dengan-nya.

Tugas2: Tugas2 utama jawatan ini ia-lah membaiki dan memelihara elektrohidraulic control system dan alat2 letrik dalam sebuah Suction Hopper Dredger dan electronic marine navigational aids.

Gaji: Dalam sukatan gaji C 2-3 EB 4 — \$710 x 30-950-100 x 30-1120/EB/1160 x 30-1280. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun. Kontrek boleh di-baharu dengan persetujuan bersama. Bagi chalu2 yang terdiri

nei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalu2 untuk lantekan ini mesti-lah telah mencapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan

dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan yang di-kenakan di-Negeri Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya bersama2 dengan salinan surat2 akuan, Watchkeeping Certificates, Buku Discharge dan Sijil2 Kecakapan atau Diploma tidak lewat dari 12hb. Mach, 1973.

Sa-bagai Bilal

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Bilal di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

BILAL (1 jawatan) — Bagi Mesjid Kampong Birau, Tutong. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid yang berkenaan.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun.
- Mesti-lah mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Keparah bila2 masa di-kehendaki.
- Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U. 2 — \$220 x 10-390-410 x 10-430.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 12hb. Mach, 1973.

di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300 x10-350. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 19hb. Mach, 1973.

Sa-bagai Pemberita

Majlis

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dalam Perjawatan Tetap untuk memenohi jawatan Pemberita Majlis di-Jabatan Majlis2 Meshuarat, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Chalu2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama 5 tahun. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah tetapi mempunyai pengalaman luas dalam kerja2 jurutrengkas boleh juga di-pertimbangkan.
- Trengkas : Perengkat Tinggi 110 p.s.m.
- Menaip : 45 p.s.m.
- Pengalaman bekerja sa-bagai jurutrengkas sam-bilan di-Jabatan Majlis Meshuarat merupakan suatu kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 4 EB 5 — \$540x20-660/EB/690x20-750.

Sa-seorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang, baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat dari 6hb. Mach, 1973.

Sa-bagai

Tukang Wang

di-Jabatan Letrik

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dalam Perjawatan Tetap untuk memenohi jawatan Tukang Wang di-Jabatan Letrik, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 5 tahun di-dalam Perkhidmatan Kerani2 Rendah serta telah lulus Peperiksaan Kerani2 Rendah. Mereka juga perlu mempunyai pengalaman menggunakan N.C.R. Receipting Machine. Pengetahuan ilmu menyimpang kira2 merupakan suatu kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C 1 EB 2 — \$610 x 30-640 x 40-680/EB/710 x 30-950.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 12hb. Mach, 1973.

Kerani Bahagian 'B'

Tingkatan Khas I

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 5 tahun sa-bagai Kerani Bahagian 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan untuk di-naikan pangkat sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkat Khas I. Kerani2 Bahagian 'A' yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman yang sa-banding boleh-lah juga memohon untuk di-pertimbangkan.

2. Chalu2 yang hendak memohon jawatan ini mesti-lah menghantarkan permohonan2 mereka kepada Pegawai Perjawatan melalui Ketua Jabatan mereka dan mesti-lah sampai ka-Pejabat Perjawatan tidak lewat dari 10hb. Mach, 1973. Ketua2 Jabatan sa-masa menghantarkan permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentuk surat) mesti-lah menyertakan Laporan2 Sulit mengenai pegawai2 ini dengan menyatakan tugas2 mereka sekarang dan kesesuaian mereka untuk di-naikan pangkat. Satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap mesti-lah juga di-hantarkan bersama.

1 SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM 1

PENASEHAT UMUM MELAWAT STESHEN2 PERTANIAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penasehat Umum Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa telah melawat ka-empat buah steshen pertanian di-Daerah Brunei Muara pada hari Sabtu lepas.

Yang Teramat Berhormat di-iringi semasa lawatan itu oleh Pengarah Pertanian, Awang R.B. Woodroffe, Awang Selamat bin Munap, Awang M. Hasty, Pakar Ekonomi Pertanian dan Timbalan Pesuruhjaya Tanah, Awang Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman.

Lawatan itu di-mulakan di-ibu pejabat Jabatan Pertanian di-mana Penasehat Umum di-berikan satu penerangan.

Dari sana beliau dan rombongan bertolak ka-steshen pertanian Berakas.

Semasa lawatan-nya 15 minit ka-steshen itu, beliau telah menerima penerangan dari Awang R.B. Woodroffe mengenai kelengkapan2 yang di-adakan di-steshen itu, ia-itu, antara lain termasuklah ibu pejabat baru jabatan pertanian, makmal2 bagi pegawai2 pakar, tempat pemeliharaan tumbuh2an, tempat kurantin tumbuh2an dan kawasan pameran pokok buah2an, dan taman bunga di-mana kedua2-nya akan terbuka kepada orang ramai.

Penasehat Umum dan rombongan kemudian melawat ka-tempat pemeliharaan pokok buah2an di-Kampung Mentiri dengan menaiki sa-buah helikopter Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Mereka kemudian-nya berlepas ka-Lumapas untuk melawat steshen pertanian dan kawasan pemeliharaan kerbau di-sana.

Dari Lumapas, beliau dan rombongan berlepas ka-steshen pertanian Kilanas.

Ketibaan mereka telah di-sambut oleh penolong Pegawai Pertanian, Awang Rosli bin Umar dan Awang W.G. Agnes.

Penasehat Umum dan rombongan-nya telah di-bawa melihat di-steshen steshen tersebut dan di-beri penerangan mengenai beberapa rancangan yang di-jalankan di-steshen itu.

Pada pengakhiran lawatan tersebut Penasehat Umum itu dan rombongan singgah di-pejabat kaji serangga di-mana mereka di-sambut oleh pakar kaji serangga, Awang D. MacCrae.

Satu chadangan kapada PGGMB

(Dari muka 1)

Berhormat berpendapat bahawa masa-nya telah tiba bagi PGGMB mengkaji semula chara2 pengurusan-nya.

Menurut beliau bahawa harus akan mendatangkan faedah jika PGGMB menyasat kemungkinan menyerahkan pengurusan kegiatan2 dan usaha2-nya kepada sa-orang profesional yang mahir dan jujur yang akan dapat menumpukan segala tenaga-nya di-dalam bidang2 itu.

Beliau menegaskan bahawa dengan ada-nya pengurusan professional seperti itu, maka bukan sahaja daya pengeluaran oleh bahagian perniagaan dan perusahaan PGGMB akan dapat meningkat, malahan akan mengurangkan gangguan2 ka-atas tugas2 dan tanggungjawab2 ahli2-nya selaku guru2 dan pegawai2 pendidikan negeri ini yang sa-lama ini menjalankan usaha itu sa-chara sambilan.



Yang Teramat Berhormat P.O.K.L.S. Bakti Diraja, Dato Laila Utama Awang Isa mendengar penerangan dari Awang M. Hasty mengenai steshen pertanian Lumapas. Di-sebelah kanan ia-lah Pengarah Pertanian, Awang R.B. Woodroffe.

Pemangku S.U.K. yang baru

(Dari muka 1)

gawai yang termuda dalam memegang jawatan itu sa-jauh ini.

Yang Berhormat itu menuntut di-England sejak tahun 1958 hingga 1964 dan memegang Ijazah Bachelor of Social Science dalam pengajian ekonomik, politik dan sosiologi.

Apabila pulang ka-tanah ayer, beliau berkhidmat sa-bagai pegawai pentadbir di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan dan menjadi ahli yang di-lantek dalam Majlis Mashuarat Negeri dari tahun 1965 sa-hingga-lah pada masa ini. Tetapi berikutan dengan lantekan beliau menjadi Pemangku S.U.K. itu, maka beliau dengan sendiri-nya duduk dalam majlis itu sa-bagai ahli kerana jawatan.

Beliau juga pernah bertugas di-berbagai2 lapangan Kerajaan termasuk sa-bagai pegawai yang mengelolakan bahagian ekonomi dan peragaan dan Setia Usaha Lembaga Penapis Filem dan Hiboran Orang Ramai.

Dato Paduka Haji Abdul Aziz pernah memegang berbagai2 jawatan kanan seperti Pengawal Kastam dan Bea, Pengarah Kerja Raya, Pesuruhjaya Tanah, Pegawai Perjawatan, Pesuruhjaya Kemajuan dan akhir-nya Pengerusi Lembaga Bandar, Bandar Seri Begawan.

Dalam masa menjadi Pemangku Pengerusi Lembaga Bandar ini, berbagai2 kemajuan yang baru telah di-ranchang dan di-laksanakan beliau. Di-antara rancangan yang terbesar ia-lah mengadakan perkhidmatan penarohan kereta bayar, melancarkan projek2 pembehsan bandar dan mengator semula keadaan pasar2 ikan, daging dan sayur.

Ketiga2 projek yang besar yang di-laksanakan beliau itu telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari rakyat.

Dalam kenyataan2 khas dan ucapan2 yang pernah beliau laksanakan sama ada sa-chara rasmi mahupun sa-chara persendirian, Dato Paduka Haji Abdul Aziz kerap kali menekankan betapa perlu-nya usaha2 di-jalankan oleh semua golongan melalui berbagai2 usaha bagi mendamping-rapatkan rakyat dengan Kerajaan dan Kerajaan dengan rakyat.

Pendirian sa-umpama ini ada-lah penting jika pembangunan negara

hendak di-laksanakan dengan chara yang lebih berkesan, kerana tanpa kerjasama yang erat antara kedua2 pihak, maka sa-barang usaha sukar hendak di-jalankan dengan lichen dan terator.

Dato Paduka Haji Abdul Aziz ia-lah sa-orang pegawai muda yang banyak menghadhiri persidangan2 di-seberang laut bagi mewakili Kerajaan Brunei seperti persidangan ECAFE di-New Zealand, India, Bangkok, Australia, Philipine, Malaysia dan Singapura. Beliau juga telah menghadhiri kursus badan perkembangan di-ibu pejabat ECAFE di-Bangkok sa-lama 6 bulan, termasuk lawatan sambil belajar ka-Ceylon (kini Sri Lanka) dan Taiwan.

Pada masa ini, Dato Paduka Haji Abdul Aziz juga menjadi ahli Majlis Ugama Islam Negeri Brunei dan sa-hingga lantekan beliau sa-bagai Pemangku S.U.K. pernah menjadi Pengerusi Lembaga Penasehat Melisen Kayu Kayan, Pengerusi Majlis Perunding di-antara Jabatan Hal-Ehwal Ugama dan Jabatan Pelajaran; Setia Usaha Jawatankuasa Pengawasan Perkembangan Muara dan ahli jawatankuasa Jemaah Penasehat Haji. Beliau juga selalu di-lantek menjadi pengerusi atau ahli di-beberapa jawatankuasa yang khas di-bentuk untuk menyelesaikan satu2 masalah yang timbul dari satu masa ka-satu masa (Adhoc).

Beliau juga aktif dalam gerakan2 kebajikan dan ketika maseh jadi penuntut, beliau pernah menjadi Yang Di-Pertua Persatuan Penuntut2 Brunei di-U.K. dan juga salah sa-orang pengasas persatuan itu.

Dato Paduka Haji Abdul Aziz pernah menjadi Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei dan pada masa ini maseh menjadi Pengerusi Bahagian Perniagaan, Bank2 dan Panggong2 Wayang bagi Tabong Pembinaan Stadium dan menjadi ahli jawatankuasa kerja tabong pembinaan stadium itu.

Beliau telah di-anugerahkan Bintang DPMB bagi memperingati keberangkatan D.Y.M.M. Baginda Queen ka-Brunei dan sa-belum itu menerima anugerah Bintang S.L.J.

Beliau mempunyai sa-orang isteri dan 4 orang anak. 3 perempuan dan sa-orang laki2. Isteri beliau, Datin Hajjah Zahrah binte Haji Idris yang juga bekas menuntut di-England pada masa ini berkhidmat di-Jabatan Kebajikan.

Kursus khas bagi murid2 yang kurang berkebolehan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Pelajaran, Dato Seri Paduka Awang M. MacInnes berpendapat bahawa kursus2 berchurak akademik yang membawa kepada peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia pada keseluruhannya tidak sesuai bagi kebanyakan kanak2 sekarang.

Kata-nya, lebih 50 peratus kanak2 tidak mempunyai bakat kebolehan yang di-anggap menguntungkan dari segi pelajaran yang berchurak akademik dan lulus dalam peperiksaan SRP.

Perbandingan itu menunjukkan 50 peratus lagi kanak2 di-negeri2 lain sudah tidak mengambil kursus2 akademik yang membawa mereka kepada peperiksaan bersijil tetapi di-beri kursus2 khas yang lebih sesuai menurut kebolehan dan kechendorongan mereka.

Pengarah Pelajaran itu telah membentangkan masaalah itu ketika beliau turut memberi ucapan di-Pembukaan Rasmi Mashuarat Agong kali ke-23 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-Bangunan Persekutuan itu hari Jumaat lepas. Beliau sa-lanjut-nya menerangkan murid2 yang kurang kebolehan ada-lah perlu di-perkenalkan kursus itu di-Brunei.

Ia-nya hendak-lah di-chipta supaya pengajaran kemahiran asas yang tersusun dalam perhubungan sa-chara lisan, kira-mengira, pelajaran sosial dan ugama yang meliputi kegiatan2 berasaskan aneka jurusan, persediaan bagi kehidupan dan hiburan masyarakat di-Brunei di-sediakan.

Bagaimana pun, Pengarah Pelajaran itu melahirkan keraguan-nya tentang sambutan ibu-bapa terhadap kursus itu kerana ibu-bapa maseh berpegang tegoh supaya anak2 mereka di-beri peluang menduduki peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran.

Kata-nya, Jabatan Pelajaran terpaksa memberikan pertimbangan untuk memperkenalkan kursus itu di-samping usaha2 perlu di-buat bagi menerangkan kedudukan sebenar-nya kepada semua yang berkenaan dari golongan ibu bapa dan murid2 itu sendiri bahawa churak pelajaran yang terbaik sekali bagi kebanyakan kanak2 bukan-lah kursus2 akademik yang membawa mereka kepada peperiksaan SRP dan SPM.

Akhir-nya beliau mengharapakan sokongan penuh dari PGGMB dalam menyediakan dan memperkenalkan kursus2 baru itu nanti sambil menerangkan kepada ibu bapa bahawa kursus sa-demikian ada-lah perlu demi kepentingan anak2 mereka dan sa-terus-nya kepentingan Negeri Brunei Darussalam.

Penyampaian Bendera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pg. Muda Sufri Bolkiah akan menyampaikan bendera Negeri Brunei kepada rombongan sa-ramai 10 orang peserta yang akan menyertai pertandingan Karate Sa-Asia dan Pacific yang pertama yang akan di-adakan di-Singapura dari 3hb. hingga 6hb. Mach.

Upacara menyampaikan bendera itu akan di-adakan di-lapangan terbang antara bangsa Brunei pada jam 11.00 pagi ini ia-itu sa-jurus sa-belum rombongan itu bertolak ka-Singapura.